

**"PENGEMBARAAN YANG MENAKJUBKAN". 1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾</p> <p style="text-align: right;">1</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	5
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	6
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah SWT dengan limpah nikmat dan rahmat-Nya, kita dapat mengekalkan iman dan taqwa kepada-Nya dan dapat berada di rumah Allah SWT menunaikan solat Jumaat pada hari ini. Justeru sama-samalah kita mohon kepada Allah SWT supaya dapat meningkatkan lagi iman kita serta takwa sehingga ke akhir hayat.</p>	7
<p>Khutbah kita pada minggu ini bertajuk "PENGEMBARAAN YANG MENAKJUBKAN".</p>	8
<p>Hadirin yang dimuliakan,</p> <p>Sempena bulan Rejab yang mulia ini, marilah kita mengimani dan mengingati satu peristiwa besar dan bersejarah iaitu Israk dan Mikraj. Allah SWT telah melakukan suatu perjalanan mulia kepada hamba-Nya Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Baitul Maqdis di Palestin, kemudian naik ke langit pertama sampai ke Sidratul Muntaha diiringi Malaikat Jibril AS. Seterusnya naik lagi ke suatu tempat bernama Mustawa seorang diri tanpa diiringi sesiapa untuk menerima satu perintah yang penting iaitu Ibadah Solat. Peristiwa berlaku 11 tahun sebelum diangkat menjadi Rasul bersamaan 622 Masihi.</p>	9
<p>Ia dirakamkan dalam surah al-Isra' ayat 1 seperti pada permulaan khutbah tadi yang bermaksud;</p>	10

<p><i>"Maha suci Allah yang telah menjalankan hamb-aNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui".</i></p>	
<p>Peristiwa Israk dan Mikraj yang menakjubkan masyarakat Quraisy ketika itu ialah perjalanan sejauh dari Makkah ke Baitul Maqdis itu lazimnya dilakukan selama dua bulan iaitu sebulan pergi dan sebulan balik. Tetapi apa yang berlaku, perjalanan yang dianggap jauh itu berlaku pada satu malam dan menjelang waktu subuh sudah sampai semula ke Makkah.</p>	11
<p>Peristiwa agong ini menyimpan rahsia besar yang dapat diambil iktibar dan keinsafan untuk meningkatkan iman. Pengembaraan Israk dan Mikraj yang diberkati itu memberikan beberapa pengajaran yang menggambarkan balasan dosa-dosa yang dilakukan oleh umat Muhammad semasa hidup didunia. Segala maksiat tersebut akan dibalas dengan balasan yang amat setimpal kecuali bagi yang sempat bertaubat dengan taubat nasuha.</p>	12
<p>Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabrani dan al-Bazzar, Nabi Muhammad SAW telah melalui penempatan beberapa kaum yang hidupnya dalam maksiat. Antaranya mereka yang malas mendirikan solat, tidak membayar zakat harta yang cukup nisab dan haul, makan wang riba, mengumpat, menyebarkan fitnah, berzina, bersikap sombong, mengkhianati janji dan lain-lain.</p>	13
<p>Demikian juga ditunjukkan ganjaran Allah yang besar bagi yang berjihad ke jalan Allah, bersedekah dan melakukan amal soleh.</p>	14
<p>Nabi SAW juga dibawa melihat ke suatu lembah yang nyaman dan dingin, anginnya membawa bau wangi harum semerbak bagai kasturi, serta kedengaran suara yang riang gembira. Apabila Rasulullah SAW bertanya, Jibril lantas menjawab itulah suara syurga yang merayu memohon agar Allah membalas apa-apa yang dijanjikan, walaupun mereka sedang menikmati berbagai nikmat syurga, namun tetap memohon lagi nikmat yang lebih besar sebagai ganjaran kepada yang beriman dan beramal soleh.</p>	15
<p>Selepas Jibril AS membawa Nabi ke lembah lain, kedengaran suara bising dan udaranya berbau busuk. Jibril AS menyatakan itu adalah suara neraka Jahannam yang menyeru agar ditambah lagi azab yang dijanjikan walaupun telah bertimbun padanya rantai, belunggu, api menjulang, air panas mendidih, pohon berduri, tetapi mereka masih memohon lagi azab dan seksa kepada yang mensyirikkan Allah dan melakukan maksiat.</p>	16
<p>Allah SWT menjelaskan keadaan neraka, sebagaimana firman-Nya dalam surah at-Takathur ayat 6-8;</p>	17

<p>لَتَرُونَ الْجَحِيمَ ﴿٦﴾ ثُمَّ لَتَرُونَهَا عَيِّنَ الْيَقِينِ ﴿٧﴾ ثُمَّ لَتُسْأَلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ النَّعِيمِ ﴿٨﴾</p>	
<p>“(ingatlah) Demi sesungguhnya! - kamu akan melihat neraka yang marak menjulang. Selepas itu - Demi sesungguhnya! - kamu (Wahai orang-orang yang derhaka) akan melihatnya dengan penglihatan yang yakin (semasa kamu dilemparkan ke dalamnya)!...</p>	18
<p>...Selain dari itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala nikmat (yang kamu telah menikmatinya)!”</p>	19
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Menurut riwayat Anas Bin Malik, setelah Rasulullah SAW tiba di Baitul Maqdis dengan menaiki Buraq, iaitu seekor binatang berwarna putih, besar sedikit daripada keldai dan kecil daripada baghal, baginda masuk ke dalam Masjid al-Aqsa dan salat dua rakaat. Menurut Ibnu Mas’ud RA, Jibril AS memimpin baginda ke hadapan untuk menjadi imam solat bersama Para Rasul, Ini merupakan petunjuk bahawa Nabi Muhammad SAW datang membawa syariat dan secara tidak langsung menamatkan syariat terdahulu.</p>	20
<p>Sebelum Mikraj Nabi Muhammad SAW dipertemukan dengan Nabi Adam AS yang diperkenalkan oleh Jibril AS sebagai bapa kepada seluruh umat manusia, juga memberi pengajaran kepada kita, apabila bermusafir jauh atau membuat sesuatu tugas besar, perlulah lebih dahulu menemui ibubapa atau ahli keluarga yang tua untuk memohon doa restu daripada mereka agar dapat melaksanakan tugas dengan baik dan selamat.</p>	21
<p>Menurut nukilan daripada Tafsir al-Maraghiy, sesungguhnya pada peristiwa ini terdapat suatu pengertian yang patut difikir dan diperhatikan secara mendalam, yang menunjukkan bahawa semua Para Rasul walaupun berlainan keturunan dan zaman, mereka bersatu padu disisi Allah SWT yang telah mengutus mereka. Maka bukankah sepatutnya para pengikut mereka juga bersatu, mengikut jejak langkah Rasul mereka, agar urusan yang berlangsung dikalangan mereka dapat diatasi kearah perdamaian bukan perpecahan.</p>	22
<p>Peristiwa selanjutnya datang pula malaikat Jibril AS membawa dua jenis minuman, arak dan susu. Maka Nabi SW memilih susu. Jibril AS menyatakan bahawa Nabi telah memilih fitrahnya. Susu melambangkan kesucian. Menurut Imam al-Nawawi, maksud fitrah ialah Islam. Ada pun arak adalah pokok segala kejahatan yang keji dan pekerjaan syaitan. Allah melaknat peminum arak, penjual, pemberi, pembawa, samada minum dalam botol kecil atau besar, tin kecil atau tin besar, semuanya adalah najis yang menjijikkan disisi Allah SWT, bahkan pintu neraka terbuka menunggu</p>	23

mereka di akhirat.	
<p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Kemuncak daripada peristiwa Israk dan Mikraj, Allah SWT memfardhukan ibadat solat 50 waktu sehari semalam. Tetapi dalam perjalanan pulang baginda bertemu lagi dengan Nabi Musa AS yang mengusulkan agar baginda mohon keringanan Allah SWT kerana perintah itu berat bagi umat Muhammad. Setelah rayuan dibuat akhirnya Allah memperkenankan hanya 5 waktu sahaja, tetapi ganjarannya sama dengan 50 waktu.</p>	24
Dalam pelaksanaan solat, badan, fikiran dan perhatian serta lafaz yang telah ditentukan ditujukan khusus kepada Allah SWT semata-mata. Kerana solat adalah ibadat utama yang diibaratkan seperti tiang dalam sesebuah bangunan.	25
<p>Hadis daripada Umar Bin al-khattab R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;</p> <p>الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ فَمَنْ أَقَامَهَا فَقَدْ أَقَامَ الدِّينَ وَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ</p>	26
<p><i>"Solat itu tiang agama, sesiapa yang mendirikanannya bermakna ia mendirikan agama, sebaliknya mereka yang meninggalkannya seolah-olah meruntuhkan agama".</i></p> <p><i>(Hadis riwayat Al-Baihaki).</i></p>	27
Solat merupakan perhubungan kita dengan Allah SWT. Dengan sebab itu sewajarnya solat dilakukan dengan sempurna, tersisih daripada kebendaan, tersisih dari alam nafsu syahwat dan dari alam fitnah agar orang yang solat itu mampu sepenuhnya kepada zat Allah SWT semata-mata.	28
<p>Anggota tubuh yang paling tinggi dan berharga secara simboliknya ialah kepala. Dengan sebab itu ramai orang yang berani mempertaruhkan nyawa, merasa begitu sukar jika kepalanya dipermainkan orang. Tetapi lain halnya ketika dihadapan Allah. Dengan penuh kesedaran, kepala rela direndahkan di tempat paling bawah sejajar dengan tempat berpijak, merendahkan diri dihadapan Allah yang maha agong dan maha tinggi atas segala sesuatu.</p>	29
<p>Muslimin hadirin Jumaat sekalian,</p> <p>Selepas peristiwa Israk dan Mikraj berlaku, Rasulullah SAW bertambah gigih menjalankan dakwahnya, walaupun menghadapi berbagai rintangan dan cabaran dari musuh sekelilingnya, namun baginda tetap tabah ibarat membujur lalu melintang patah untuk berdakwah diseluruh semenanjung tanah Arab.</p>	30

<p>. Ini memberi iktibar kepada kita dalam melaksanakan kerja kebajikan mestilah dengan semangat juang yang tinggi penuh dedikasi dan tanggungjawab, sedia menghadapi apa jua cabaran. Inshaallah, hasilnya akan mendapat kejayaan cemerlang disisi Allah SWT.</p>	<p>31</p>
<p>Hadirin sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah ini, marilah kita renung dan hayati beberapa saranan berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat Islam hendaklah beriman dan meyakini tentang wujudnya kejadian Israk dan Mikraj yang telah disebut dalam al-Quran dan hadis. 2. Umat Islam hendaklah memperingati kisah Israk dan Mikraj ini, bukan sekadar membaca kisahnya sebagai sejarah, tetapi mengkaji dan mengambil iktibar dan pengajaran setiap yang berlaku daripada peristiwa tersebut. 	<p>32</p>
<ol style="list-style-type: none"> 3. Umat Islam hendaklah memastikan diri dan keluarga tidak mengabaikan solat lima waktu, walau di mana sahaja kita berada untuk menjamin kejayaan di dunia dan akhirat. 4. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap pelanggaran perintah Allah akan menerima pembalasannya seperti yang digambarkan dalam peristiwa Israk dan Mikraj. 5. Umat Islam diingatkan supaya melaksanakan kebajikan dan amal soleh untuk mendapat ganjaran Allah di akhirat kelak seperti yang digambarkan juga dalam peristiwa tersebut. 	<p>33</p>
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَى ﴿١٣﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَى ﴿١٤﴾ عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَى ﴿١٥﴾</p>	<p>34</p>
<p><i>"Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (malaikat Jibril, dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi, Di sisi "Sidratul-Muntaha", yang di sisinya terletak syurga "Jannatul-Makwa".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Najm ; 13-15).</i></p>	<p>35</p>
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	<p>36</p>
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	<p>37</p>

KHUTBAH KEDUA .38

39	<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>
40	<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>
41	<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...</p>
42	<p>...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...</p>
43	<p>...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>
44	<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>
45	<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>
46	<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>
47	<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>

<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	<p>48</p>
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat...‘</p>	<p>49</p>
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju,...</p>	<p>50</p>
<p>...sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Justeru kami pohon kehadiran-Mu...</p>	<p>51</p>
<p>...ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada akidah yang menyeleweng dan...</p>	<p>52</p>
<p>sesat seperti Syiah, Qadyani serta lain-lain. Kukuhkanlah ya Allah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang...</p>	<p>53</p>
<p>...bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak...</p>	<p>54</p>
<p>...penyakit khususnya wabak penyakit ayam H5N1 (H Five N One). Kami pohon ya Allah agar wabak ini tidak merebak ke Negeri kami...</p>	<p>55</p>
<p>...Negeri Selangor Darul Ehsan, Allahmumma Amin!</p>	<p>56</p>
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ،</p>	<p>57</p>
<p>إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	<p>58</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>59</p>